

29 OCT 2001

Laos-tiba

PERDANA MENTERI LAOS DIBERI SAMBUTAN RASMI DI JPM

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith dan isteri Khammeung Vorachit yang tiba hari ini bagi melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia, diberi sambutan rasmi di Dataran Perdana di sini.

Ketibaan mereka disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan sebaik sahaja mereka tiba.

Pemimpin Laos itu kemudian mengadakan pertemuan tertutup dengan Dr Mahathir sebelum menghadiri mesyuarat delegasi di JPM.

Terdahulu ketibaan Bounnhang dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Peter Chin yang juga menteri pengiring.

Yang turut serta dalam rombongan Laos itu ialah Timbalan Perdana Menteri Somsavat Lengsavad yang juga Menteri Luar serta 10 orang ahli perniagaan.

Bounnhang dan isteri dijadual menghadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Terengganu dan Permaisuri Terengganu di Istana Negara esok.

Perdana Menteri Laos itu serta rombongan akan diberi taklimat mengenai Koridor Raya Multimedia di Cyberjaya dan melawat Lembaga Minyak Sawit Malaysia di Bangi serta kilang kereta nasional Proton di Shah Alam.

Bounnhang juga akan menghadiri jamuan tengah hari dan berdialog dengan anggota Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia di Hotel Istana di Kuala Lumpur.

Isteri beliau pula mempunyai jadual berasingan dan akan melawat Kompleks Kraf Kuala Lumpur, kilang pewter Royal Selangor dan Taman Orkid di Taman Tasik Perdana.

-- BERNAMA

AKT NJ ZS MAI